

## STUDENTS' PERCEPTION ON LEARNING QUR'ANIC LANGUAGE VOCABULARY TOWARDS THE ALMAANY APPLICATION IN SMART PHONE

### PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA AL-QURAN MELALUI APLIKASI ALMAANY DI DALAM TELEFON PINTAR

Khairul Asyraf Mohd Nathir<sup>i</sup>, Mohd Sukki Othman<sup>ii</sup>, Wan Muhammad Wan Sulong<sup>iii</sup> & Nik Farhan Nik Mustafa<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Calon Ph.D, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. asyh\_ralf@yahoo.com.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). msukki@upm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). w\_mhd@upm.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). farhan@upm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The aim of this study is to investigate the perceptions of student in learning Qur'anic Language vocabulary towards the Almaany application in smart phone. This study involved 100 respondents from Arabic Language and Communication Programe, USIM. The sample was drawn randomly. The instrument of this study is a quantitative means, using a questionnaire containing 15 items related to the students' perceptions in learning Qur'anic Language vocabulary towards the Almaany application. The questionnaire is based on three objective, namely features of application, Almaany application and Arabic vocabulary. Descriptive analysis was used to find the frequency, percentage, mean and standard deviation. Data was analysed using Statistical Package of Social Science (SPSS) for Windows version 20. Cronbach alpha reliability coefficient value for the instrument was <math>\alpha=0.882</math>. The result shows that the overall perception of the student in leaning Qur'anic Language vocabulary towards the Almaany application is high.</i></p> <p><i>Keywords: Vocabulary, Qur'anic language, Almaany application, Arabic language dictionary.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui aplikasi Almaany di dalam telefon pintar. Kajian ini melibatkan seramai 100 responden yang terdiri daripada pelajar program Bahasa Arab dan Komunikasi, USIM. Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah. Instrumen kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi 15 item yang berkaitan persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui aplikasi Almaany berdasarkan kepada tiga objektif utama, iaitu ciri-ciri aplikasi, aplikasi Almaany dan kosa kata bahasa al-Quran. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Data dianalisis menggunakan perisian Statistikal Package of Social Science (SPSS) for window version 20. Nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi instrument kajian ini adalah <math>\alpha=0.882</math>. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan persepsi</i></p>

	<p>pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui aplikasi <i>Almaany</i> adalah tinggi.</p> <p>Kata kunci: Kosa kata, bahasa al-Quran, aplikasi <i>Almaany</i>, kamus bahasa Arab.</p>
--	--

## PENDAHULUAN

Kamus dan mukjam merupakan salah satu alat bantuan pembelajaran yang sangat penting dalam kalangan para pelajar pengajian Islam khususnya di Institut Pengajian Tinggi dalam proses memahami struktur ayat dan maksud yang ingin disampaikan oleh penulis melalui variasi kosa kata yang digunakan dalam sesebuah buku, kitab, rencana dan sebagainya (Norlida, Md Nooh & Norliza, 2003). Kelemahan utama pelajar adalah untuk memahami isi kandungan teks sama seperti apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Dalam konteks ini, pelajar memerlukan lebih daripada sebuah kamus dan mukjam untuk dijadikan perbandingan bagi mendapatkan padanan makna kosa kata yang bersesuaian dengan struktur ayat.

Kamus dan mukjam yang menjadi kebiasaan para pelajar pengajian Islam gunakan adalah kamus Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu (*al-Marbawi, al-Miftah, al-Khalil, al-Farid, Kamus Oxford Fajar*), Bahasa Arab kepada Bahasa English (*Mu'jam al-Tullab, al-Siddiq*) dan Bahasa Arab kepada Bahasa Arab (*al-Muhit, al-Wasit, Lisan al-<sup>o</sup>Arab, al-<sup>o</sup>Ayn*). Namun, bagi sesetengah institusi pengajian tinggi, tenaga pengajar lebih menekankan penggunaan kamus bahasa Arab kepada bahasa Arab agar para pelajar dapat menambah kosa kata mereka seterusnya dapat digunapakai dalam penulisan dan perbualan mereka kelak. Ini jelas menunjukkan bahawa, sesetengah daripada kamus bahasa Arab kepada bahasa Melayu yang berada di pasaran pada ketika ini memberikan pendefinisian yang berbeza dalam sesetengah perkataan sehingga boleh memberi kekeliruan kepada para pengguna terutamanya para pelajar universiti (Shahrulnizam, 2013). Ini termasuk aplikasi *google translate* yang digunapakai oleh sebilangan besar para pelajar pada ketika ini.

Dengan perkembangan teknologi dalam kadar yang cukup pantas pada hari ini, penggunaan kamus elektronik atau kamus atas talian menjadi pilihan utama bagi sebilangan besar para pelajar (Latifah, Ali & Surendren, 2012). Namun, kebanyakan kamus atas talian yang ada pada ketika ini, tidak dapat memenuhi kehendak pelajar dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan carian makna kosa kata bagi sesuatu perkataan. Justeru, pemilihan kamus atas talian perlu dilakukan secara terperinci agar hasil dari carian makna kosa kata tersebut diperoleh dengan tepat dan memenuhi kehendak struktur ayat.

Kajian ini mempunyai matlamat yang jelas iaitu untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui aplikasi *Almaany* di dalam telefon pintar. Melalui penggunaan aplikasi ini, para pelajar boleh menjadikan kamus atas talian ini sebagai alat bantu pembelajaran utama mereka disamping rujukan kepada kamus bercetak yang sedia ada. Dengan hanya memuat turun secara percuma melalui *Google Store* dan *App Store* ke dalam telefon pintar (*smartphone*) dan *tablet*, pelajar mampu untuk menggunakan aplikasi ini pada bila-bila masa tanpa mengira waktu.

## PERNYATAAN MASALAH

Masalah kajian ini timbul apabila sebilangan besar pelajar tidak mempunyai komitmen yang tinggi untuk membawa beberapa buah kamus dan mukjam yang tebal serta berat setiap kali hadir ke kuliah dan kelas pengajian dalam proses carian kosa kata yang bersesuaian dengan struktur ayat (Nurul Aminah & Hasnah Mohamed, 2015).

Penggunaan *google translate* secara langsung tidak mampu untuk menterjemahkan perkataan secara tepat dan berkesan. Ini menyebabkan para pelajar sukar untuk memahami teks dalam bahasa Arab seterusnya membawa satu implikasi terhadap kefahaman mereka dalam bidang yang dipelajari (Nur Naimah Akmar & Harun Baharudin, 2016).

Para pelajar pengajian bahasa Arab perlu menguasai jumlah kosa kata bahasa Arab yang banyak dalam proses memperkembangkan potensi bahasa mereka. Dalam pengajian bahasa Arab ini, mereka memfokuskan kepada pelbagai variasi subjek bahasa Arab yang meliputi linguistik dan kesusasteraan seperti nahu dan saraf, balaghah, ilmu ma<sup>o</sup>ajim, sastera Arab, syair dan puisi. Selain itu, mereka juga perlu menguasai subjek bahasa Arab moden yang merangkumi teknologi, pelancongan dan kesihatan.

Kesemua subjek yang diajar oleh para pensyarah ini secara keseluruhannya menggunakan perantaraan bahasa Arab yang memerlukan para pelajar memahami setiap kosa kata yang diperolehi bagi membolehkan mereka menguasai bidang yang diceburi. Namun, terdapat sesetengah daripada mereka menggunakan bahasa English sebagai medium kedua bagi memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar. Dalam konteks ini, sebilangan besar sumber rujukan dalam bidang ini adalah dalam bahasa Arab dan diterbitkan dari negara timur tengah seperti Jordan, Mesir, Arab Saudi dan lain-lain. Ini jelas menunjukkan penggunaan kosa kata, susun atur bahasa serta uslub dalam penulisan kitab dan buku pengajian ini agak tinggi dan sukar difahami tanpa bantuan kamus dan mukjam yang sesuai. Oleh itu, para pelajar amat memerlukan sebuah kamus dan mukjam yang mudah dan tepat sebagai alat bantu pembelajaran yang penting (Radha Nambiar, Noraini Ibrahim & Pramela Krish, 2008).

Justeru kajian ini amatlah perlu bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui aplikasi *Almaany* dalam telefon pintar seterusnya mempromosikan aplikasi ini melalui pendedahan yang lebih terperinci agar para pelajar dapat menggunakannya secara maksima pada masa akan datang.

## **KAJIAN LEPAS**

### **Aplikasi Kamus Almaany**

Aplikasi Almaany merupakan salah satu aplikasi yang direka khas bagi memberi kemudahan kepada pelajar, tenaga pengajar dan mereka yang mendalami ilmu bahasa untuk mendapatkan makna dan pengertian sesuatu perkataan. Aplikasi ini adalah kesinambungan daripada laman web khas kamus atas talian yang boleh diakses melalui [www.almaany.com](http://www.almaany.com). Aplikasi ini bukan sahaja menyediakan kamus *Arabīy-Arabīy*, bahkan telah meluaskan penggunaan kepada kamus *Arabīy-English*, *Arabīy-France*, *Arabīy-Italy*, *Arabīy-Spain*, *Arabīy-Farsi* dan *Arabīy-Turkey*. Turut dimuatkan dalam kamus ini adalah perkataan-perkataan yang terkandung dalam al-Quran, makna sinonim dan antonim, makna bagi nama-nama khas, kamus pertuturan dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa kamus ini mempunyai akses ke seluruh dunia dan telah mendapat liputan yang meluas di seluruh pusat pengajian serata dunia.

Kamus Almaany *Arabīy-Arabīy* menyediakan makna yang lebih terperinci berbanding kamus atas talian yang lain. Keistimewaannya adalah, kamus ini akan memberi makna secara umum terlebih dahulu sebelum mengeluarkan makna-makna khas dari sudut pandangan kamus-kamus terkemuka yang lain seperti *Mu<sup>o</sup>jām al-Wasīt*, *al-Mu<sup>o</sup>jām*; *al-Lughah al-<sup>o</sup>Arabiyyah al-Mu<sup>o</sup>āsīrah*, *Mu<sup>o</sup>jām al-Ghāni*, *Mu<sup>o</sup>jām al-Aswāt* dan lain. Justeru, kamus *Almaany* ini telah menyediakan satu kemudahan yang lengkap bagi memudahkan pencarian sesuatu perkataan seterusnya membuat perbandingan antara makna-makna yang telah tersenarai berdasarkan struktur ayat yang dikehendaki.

## **Kamus**

Kamus merupakan salah satu alat pembelajaran yang sangat penting dalam mempelajari bahasa asing. Penggunaan bahasa yang baik adalah bergantung kepada penguasaan seseorang pelajar kepada kamus dan jumlah kosa kata yang didapati dari kamus. Menguasai perkataan sinonim merupakan salah satu kaedah untuk menambahkan kosa kata. Ini jelas menunjukkan bahawa, kamus sinonim memainkan peranan yang penting dalam mencapai objektif tersebut.

Rosni Samah (2009) menyatakan bahawa, kosa kata memainkan peranan penting dalam meningkatkan mutu penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Ini terbukti apabila menggunakan kosa kata secara kerap melalui kaedah soalan dan jawapan, pelajar didapati mudah untuk mengingat dan menggunakan perkataan tersebut sama ada di dalam perbualan atau penulisan.

Dalam konteks ini, peningkatan mutu bahasa Arab pelajar dapat dilihat melalui perkataan sinonim yang berbeza digunakan melalui pencarian dalam kamus dan mukjam. Penggunaan kamus ini bergantung kepada kemahiran seseorang pelajar itu melalui kesesuaian perkataan yang digunakan dalam sesebuah struktur ayat yang dibina. Ini dapat dilihat menerusi peningkatan penguasaan para pelajar dalam kemahiran penulisan mereka dengan penggunaan ayat-ayat yang berbeza serta mengvariasi-kam perkataan dengan bentuk yang lebih tepat dan jelas.

Kemahiran menggunakan kata sendi bahasa Arab juga memainkan peranan yang cukup penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Kebanyakan para pelajar bahasa Arab bukan penutur asli dan kerap kali melakukan kesalahan ketika penggunaan kata sendi. Ini adalah berkait rapat dengan cara penggunaan kamus dan carian yang dibuat dengan hanya menggunakan kata sendi semata-mata tanpa melihat kepada kata akar atau asal. Keadaan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Shahrman, Noor Hisham dan Ahmad Abdul Rahman (2015) yang bertajuk "Projek Kamus Penggunaan Kata Sendi Bahasa Arab". Projek ini merupakan salah satu cara penambahbaikan kepada kamus yang digunapakai pada ketika ini seterusnya membantu meningkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur asli dari sudut pengayaan kosa kata dan pemahaman terhadap kata sendi dan kata akar sesuatu perkataan.

Dalam pada itu, bantuan daripada tenaga pengajar juga amat diperlukan seperti menyediakan sejumlah kosa kata yang sinonim bagi setiap teks yang telah dipelajari dan menggunakan perkataan tersebut dalam perbualan dan penulisan atau memberi tugas mingguan kepada pelajar dengan membuat rujukan kepada kamus dan mukjam yang berbeza. Untuk menguasai kemahiran mencari kosa kata melalui kamus dan mukjam, para pelajar perlu mempelajarinya daripada para guru dan pensyarah yang arif dalam bidang ini. Melalui kaedah yang betul, pencarian makna dan kosa kata sinonim akan menjadi lebih mudah dan tepat.

Dalam satu kajian yang dilakukan di SMP Negeri 3 Gianyar Indonesia, Ni Wayan Sri Damayanti (2013) telah menarik perhatian umum dengan kajiannya bertajuk "Penggunaan Media Kamus Dalam Pembelajaran Kontekstual Untuk Meningkatkan Kemampuan Siswa Memahami Makna Kata Dalam Bacaan". Penggunaan media kamus ini dilaksanakan bersama-sama ketika sesi pembelajaran antara pelajar dengan guru. Guru terlebih dahulu menggunakan media kamus ini, kemudian mengaplikasikannya kepada para pelajar. Contoh yang dikemukakan oleh guru di dalam sesi pembelajaran ini telah memberikan gambaran yang secukupnya kepada para pelajar untuk menggunakan media kamus ini seterusnya meningkatkan penguasaan pelajar tersebut melalui pemahaman makna yang lebih sesuai yang dikendaki dalam sesebuah struktur ayat yang dibina.

Mohd Zuhir dan Che Radiah (2015) menyatakan bahawa tiap-tiap kamus akan mempunyai perbezaan dari sudut pengertian bahasa dan istilahnya. Dalam konteks ini, penggunaan beberapa buah kamus merupakan cara yang paling efektif dalam rangka menterjemahkan maksud yang tepat bagi sesuatu kosa kata. Tambahan pula, istilah dan kosa kata tersebut melibatkan ketepatan maksud dan tafsiran terhadap sesuatu hukum, kepercayaan, keimanan serta hukum-hakam dalam agama. Implikasi kepada ketepatan sesuatu kosa kata ini akan menyebabkan berlaku perselisihan pandangan yang besar terutamanya penafsiran ayat al-Quran dan Hadis.

Nurul Aminah dan Hasnah (2015) menjelaskan bahawa, faktor susunan yang jelas dan dekat dengan kehidupan kanak-kanak membantu mereka untuk lebih memahami kosa kata serta menarik minat mereka untuk menguasai kosa kata tersebut. Peranan kamus bukan setakat memberikan makna semata-mata, bahkan menjelaskan apa yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku.

Dalam konteks ini, pemahaman terhadap kosa kata dalam kamus beserta penggunaan dalam perbualan harian akan memudahkan pelajar mengingat apa yang baru dilihat dan diperhatikan. Sebagai contoh; seorang pelajar yang membentangkan tugasannya dalam bahasa Arab akan merasa lebih yakin apabila memahami kosa kata yang digunakan dengan situasi yang sedang dibentangkannya. Dalam keadaan ini, kamus yang mempunyai makna sinonim serta diselitkan makna dalam keadaan sebelum, selepas dan sedang berlaku merupakan pilihan terbaik untuk diketengahkan kepada para pelajar. Penggunaan strategi ini secara praktikal memberikan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran ini (Zaki, Kaseh, Nik Farhan & Nurazan, 2016).

Latifah, Ali dan Surendren (2012) menjelaskan bahawa aplikasi atas talian merupakan salah satu alternatif terpenting pada zaman teknologi ini apabila segala maklumat hanya di hujung jari dan setiasa berada di sisi 24 jam. Kamus atas talian merupakan pemudah jalan bagi para pelajar yang ingin mendapatkan makna sesuatu kosa kata dengan cara yang paling cepat dan tepat. Dalam keadaan dunia serba moden ini, para pelajar secara keseluruhannya mempunyai telefon pintar yang dilengkapi dengan internet yang membolehkan mereka mengakses segala maklumat dengan cukup pantas. Ini termasuk beberapa kamus atas talian yang lain seperti seperti *google translate*, *translate pro* dan lain-lain, namun keberkesanan serta ketepatan penggunaan aplikasi tersebut amatlah kurang dan tidak sesuai untuk digunakan oleh para pelajar.

Kenyataan tersebut dibuktikan dengan hasil kajian oleh Rosni Samah (2007) yang menunjukkan bahawa internet merupakan satu medium bagi mendapatkan sumber maklumat yang pelbagai dan mempunyai variasi yang berbeza. Dalam hal ini, pemilihan sumber tersebut perlu diteliti dengan rapi agar maklumat yang diperoleh adalah tepat dari sumber yang benar. Selain dari itu, pemilihan laman web atau aplikasi juga perlu diperhalusi dengan melihat sumber-sumber yang dijadikan rujukan mereka. Pemilihan tersebut adalah perlu berdasarkan penerimaan yang baik dikalangan komuniti global yang menjadikan pembelajaran atas talian ini sebagai mod pembelajaran sepanjang hayat mereka (Hazwani, Noor Raudhiah & Norziah, 2017).

Berdasarkan beberapa kajian yang dibincang, jelas menunjukkan bahawa penggunaan kamus merupakan perkara asas dalam perkembangan kosa kata bahasa al-Quran. Pemilihan kamus yang tepat menjadikan makna yang dicari selari dengan struktur ayat. Selain itu, kamus atas talian adalah antara sumber rujukan yang popular dalam kalangan pelajar-pelajar Institut pengajian tinggi terutamanya pelajar jurusan bidang pengajian Islam. Berdasarkan kesimpulan kajian ini, penyelidik cuba mengenal pasti tahap penggunaan aplikasi almany terhadap kosa kata bahasa al-Quran dikalangan pelajar pengajian Islam di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk dijadikan sebagai panduan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif mengenai persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui aplikasi *Almaany* di dalam telefon pintar. Kaedah ini merupakan antara kaedah yang baik bagi mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian (Nazri Muslim, 1995). Kajian ini akan membincangkan beberapa perkara mengenai responden kajian, alat kajian, tatacara pengumpulan data dan tatacara penganalisan data. Responden perlu menjawab satu set borang kaji selidik yang telah disediakan. Seramai 100 responden, iaitu pelajar sarjana muda Pengajian Bahasa Arab dan Komunikasi di USIM yang berada pada tahun satu dan dua pengajian semasa terlibat dalam kajian ini. Bilangan ini adalah bersesuaian menurut kiraan jumlah populasi dan sample responden (Krejcie & Morgan, 1970).

Satu instrumen kajian digunakan yang mengandungi 19 soalan mengenai tajuk yang dikaji. Empat soalan demografi dan 15 soalan yang seterusnya dipecahkan kepada tiga komponen yang masing-masing mempunyai lima item. Setiap item diberi 4 skala Likert, iaitu: (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju, (4) sangat setuju. Dapatan kajian ini diperoleh melalui analisis data dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 20* yang memberikan maklumat mengenai keputusan markah dan gred pelajar serta tahap penggunaan aplikasi ini. Frekuensi dan peratusan setiap soalan diambil kira bagi menilai persepsi pelajar terhadap penggunaan aplikasi *Almaany* ini untuk tujuan carian kosa kata bahasa al-Quran. Soal selidik dalam kajian ini mengandungi 15 item yang mempunyai kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu nilai pekali *Alpha Cronbach* melebihi 0.8 ke atas.

**Jadual 1: Nilai pekali *Cronbach Alpha* kebolehpercayaan item**

Item	Penyataan	<i>Alpha Cronbach</i>
1.	e-Kamus memudahkan carian kosa kata bahasa al-Quran	.893
2.	<i>Google translate</i> lebih mudah dan cepat dari aplikasi yang lain	.885
3.	<i>Translate pro</i> memberikan maksud yang hampir sama dengan <i>google translate</i>	.902
4.	Aplikasi <i>Almaany</i> memberikan maksud kosa kata lebih tepat berbanding <i>google translate</i>	.889
5.	Carian kosa kata melalui kamus bercetak adalah lebih tepat dan jelas	.901
6.	Aplikasi <i>Almaany</i> mudah untuk di akses melalui telefon pintar	.863
7.	Enjin carian yang berada pada laman utama memudahkan carian kosa kata dibuat	.864
8.	Carian kosa kata perlu menggunakan kata akar sahaja	.853
9.	Pilihan maksud kosa kata yang disenaraikan mudah difahami	.859
10.	Simbol rujukan kosa kata dari kamus dan mukjam bercetak jelas kelihatan pada penjuru setiap akhir ayat	.863

11.	Hasil carian kosa kata yang pelbagai memudahkan pengguna membuat pemilihan yang bersesuaian dengan konteks ayat	.865
12.	Contoh ayat yang dikemukakan memudahkan pemahaman kosa kata yang dipilih	.863
13.	Kosa kata yang telah dibariskan memberi kelebihan kepada pengguna untuk memilih berdasarkan konteks ayat	.864
14.	Hasil carian kosa kata adalah sama dengan apa yang terdapat pada kamus dan mukjam bercetak	.865
15.	Hasil carian kosa kata boleh di <i>copy</i> dan <i>paste</i> secara terus	.866

Berdasarkan jadual nilai pekali kebolehpercayaan instrumen sola selidik di atas, nilai *Alpha Cronbach* berada pada tahap yang menyakinkan. Kesemua item yang dikemukakan mempunyai nilai 0.6 ke atas. Menurut Nunnally (1978), nilai 0.6 ke atas hingga 0.8 adalah ukuran nilai yang lazimnya diterima, manakala nilai 0.8 ke atas adalah terbaik. Pandangan yang sama diutarakan oleh Mohd Majid (1990) yang menyatakan, nilai pekali *Alpha Cronbach* melebihi 0.6 sering digunapakai sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan. Didapati kesemua item adalah melebihi 0.8 dan nilai keseluruhan kebolehpercayaan instrumen kajian ini berada pada tahap yang tinggi (Najib Abdul Ghafar, 2003).

## DAPATAN KAJIAN

Bagi mendapatkan jawapan untuk persolan kajian tentang tahap penggunaan aplikasi *Almaany* terhadap kosa kata bahasa al-Quran dalam kalangan pelajar pengajian Islam di USIM, borang soal selidik diedarkan kepada para pelajar yang berada pada semester pertama sehingga semester keempat secara rawak. Dapatan kajian yang diperolehi adalah merujuk kepada:

- i. Demografi pelajar yang menggunakan aplikasi *Almaany*.
- ii. Persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui ciri-ciri aplikasi kamus atas talian yang popular.
- iii. Pesepsi pelajar terhadap aplikasi *Almaany*.
- iv. Pesepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui aplikasi *Almaany*.

**Jadual 2: Profil Responden**

<i>n</i> =100	Bilangan	Peratusan
<b>Jantina</b>		
Lelaki	26	26.0%
Perempuan	74	74.0%
<b>Semester</b>		
Dua	23	23.0%

Tiga	12	12.0%
Empat	65	65.0%
<b>PNGK</b>		
2.50-2.99	9	9.0%
3.00-3.39	51	51.0%
3.40-3.69	35	35.0%
3.70-4.00	5	5.0%
<b>Kelayakkan akademik</b>		
Diploma	4	4.0%
STPM	8	8.0%
Tamhidi	8	8.0%
STAM	80	80.0%

Jadual 2 menunjukkan maklumat mengenai profil responden terhadap jantina, fakulti, semester dan purata nilai gred kumulatif (PNGK). Daripada 100 orang responden, seramai 26 orang (26.0%) adalah lelaki, manakala perempuan seramai 74 orang (74.0%). Dari sudut semester, seramai 23 orang (23.0%) berada pada semester kedua, diikuti seramai 12 orang (12.0%) berada pada semester ketiga, manakala seramai 65 orang (65.0%) berada pada semester keempat. Selain itu, nilai PNGK juga dilihat dengan Sembilan orang (9.0%) responden mendapat PNGK 2.50-2.99, manakala PNGK 3.00-3.39 dan PNGK 3.40-3.69 masing-masing seramai 51 orang (51.0%) dan 35 orang (35.0%). Hanya 5 orang (5.0%) sahaja responden yang memperolehi PNGK 3.70-4.00. Profil responden yang mendaftar dengan kelayakkan akademik diploma adalah seramai 4 orang (4.0%), STPM seramai 8 orang (8.0%), Tamhidi seramai 8 orang (8.0%) dan majoriti responden yang mendaftar adalah mempunyai kelayakkan STAM dengan 80 orang (80.0%) responden.

**Jadual 3: Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Kos Kata Bahasa Al-Quran Melalui Ciri-Ciri Aplikasi Kamus Atas Talian Yang Popular**

Item	Penyataan	STS	TS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
1.	e-Kamus memudahkan carian kosa kata bahasa al-Quran	(0) 0%	(0) 0%	(64) 64%	(36) 36%	3.36	0.482
2.	<i>Google translate</i> lebih mudah dan cepat dari aplikasi yang lain	(0) 0%	(0) 0%	(17) 17%	(83) 83%	3.83	0.378
3.	<i>Translate pro</i> memberikan maksud yang hampir sama dengan <i>translate</i>	(15) 15%	(7) 7%	(51) 51%	(21) 21%	2.85	0.950

4.	Aplikasi <i>Almaany</i> memberikan maksud kosa kata lebih tepat berbanding google translate	(0) 0%	(0) 0%	(13) 13%	(87) 87%	3.87	0.338
5.	Carian kosa kata melalui kamus bercetak adalah lebih tepat dan jelas	(0) 0%	(0) 0%	(49) 49%	(51) 51%	3.51	0.502
						3.484	0.530

Jadual 3 adalah hasil dapatan kajian bagi menjawab objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui ciri-ciri aplikasi kamus atas talian yang popular ditunjukkan dalam jadual 3 secara terperinci berdasarkan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Tahap skor min dan sisihan piawai berada pada tahap tinggi iaitu 3.484 dan sisihan piawai 0.530. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap persepsi yang tinggi terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui aplikasi-aplikasi atas talian yang popular dan mudah untuk di akses.

**Jadual 4: Pesepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Almaany**

Item	Penyataan	STS	TS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
6.	Aplikasi <i>Almaany</i> mudah untuk di akses melalui telefon pintar	(3) 3%	(12) 12%	(66) 66%	(19) 19%	2.99	0.659
7.	Enjin carian yang berada pada laman utama memudahkan carian kosa kata dibuat	(0) 0%	(6) 6%	(34) 34%	(60) 60%	3.54	0.610
8.	Carian kosa kata perlu menggunakan kata akar sahaja	(7) 7%	(47) 47%	(35) 35%	(11) 11%	3.54	0.785
9.	Pilihan maksud kosa kata yang disenaraikan mudah difahami	(0) 0%	(23) 23%	(52) 52%	(25) 25%	3.02	0.696
10.	Simbol rujukan kosa kata dari kamus dan mukjam bercetak jelas kelihatan pada penjuru setiap akhir ayat	(0) 0%	(2) 2%	(67) 67%	(31) 31%	3.29	0.498
						3.276	0.6492

Jadual 4 adalah hasil dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian kedua iaitu mengenalpasti persepsi pelajar aplikasi *Almaany* ditunjukkan dalam jadual 4 secara

terperinci berdasarkan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Tahap skor min dan sisihan piawai berada pada tahap tinggi iaitu 3.276 dan sisihan piawai 0.6492. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap persepsi yang tinggi terhadap aplikasi *Almaany* tersebut.

**Jadual 5: Pesepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Kos Kata Bahasa Al-Quran Melalui Aplikasi Almaany**

Item	Penyataan	STS	TS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
11.	Hasil carian kosa kata yang pelbagai memudahkan pengguna membuat pemilihan yang bersesuaian dengan konteks ayat	(0) 0%	(0) 0%	(63) 63%	(37) 37%	3.27	0.485
12.	Contoh ayat yang dikemukakan memudahkan pemahaman kosa kata yang dipilih	(0) 0%	(0) 0%	(56) 56%	(44) 44%	3.44	0.499
13.	Kosa kata yang telah dibariskan memberi kelebihan kepada pengguna untuk memilih berdasarkan konteks ayat	(0) 0%	(0) 0%	(53) 53%	(47) 47%	3.47	0.502
14.	Hasil carian kosa kata adalah sama dengan apa yang terdapat pada kamus dan mukjam bercetak	(0) 0%	(8) 8%	(73) 73%	(19) 19%	3.09	0.510
15.	Hasil carian kosa kata boleh di <i>copy</i> dan <i>paste</i> secara terus	(0) 0%	(0) 0%	(69) 49%	(31) 51%	3.31	0.465
						3.316	0.4922

Jadual 5 adalah hasil dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian ketiga iaitu mengenalpasti pesepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui aplikasi *Almaany* ditunjukkan dalam jadual 5 secara terperinci berdasarkan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Tahap skor min dan sisihan piawai berada pada tahap tinggi iaitu 3.316 dan sisihan piawai 0.4922. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap persepsi yang tinggi terhadap aplikasi *Almaany* tersebut dalam proses pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran.

## PERBINCANGAN

Dewasa ini, penggunaan aplikasi atas talian merupakan medium utama para pelajar dan tenaga pengajar dalam proses meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Kepesatan pembangunan teknologi dalam pendidikan ini memberi implikasi yang cukup besar terhadap penggunaan aplikasi-aplikasi yang membantu dalam pembelajaran bahasa al-Quran khususnya variasi kosa kata bahasa al-Quran yang banyak.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden meletakkan minat yang tinggi terhadap aplikasi atas talian yang membantu pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran mereka. Aplikasi yang mudah diakses dengan capaian internet yang minimum ini membolehkan pelajar menggunakan aplikasi ini pada keadaan dan situasi yang jauh dari sumber jaringan internet utama. Ini dibuktikan dengan perolehan nilai min yang tinggi sebanyak 3.484.

Dari aspek carian kosa kata pula, kebanyakan aplikasi yang dicipta sehingga kini adalah mesra pengguna dan mudah digunakan. Pelajar hanya perlu memasukkan kosa kata tanpa perlu mengeluarkan kata akar terlebih dahulu. Hasil yang diperolehi adalah tepat namun perlu dinilai dari konteks ayat yang dikehendaki. Ini dibuktikan dengan ciri-ciri yang terdapat pada *google translate* dan *translate pro*. Kedua-dua aplikasi ini mampu mengeluarkan hasil carian yang hampir tepat dengan kosa kata yang dimasukkan.

Nilai perolehan min yang tinggi menunjukkan kekerapan pelajar menggunakan aplikasi *google translate* ini adalah tinggi dengan 3.83. Namun, bagi pelajar jurusan bahasa Arab, carian kosa kata melalui kata akar adalah perkara yang perlu diutamakan seterusnya memberikan implikasi yang positif dalam perkembangan dan penggunaan bahasa yang baik. Ini dibuktikan dengan nilai min sebanyak 3.54 yang merujuk kepada carian kosa kata perlu menggunakan kata akar sahaja.

Setiap carian kosa kata yang dibuat melalui aplikasi *Almaany* akan mengeluarkan dapatan yang lebih daripada satu. Ini membolehkan para pelajar memilih kosa kata yang lebih tepat dan sesuai dengan konteks ayat yang digunakan. Ini dibuktikan dengan capaian min yang tinggi iaitu 3.27. Selain daripada itu, setiap kosa kata yang dikeluarkan akan dibariskan secara sempurna. Ini jelas memberikan kelebihan kepada pelajar dalam menentukan cara bacaan yang tepat bagi setiap kosa kata yang dipilih.

Dengan nilai skor min tertinggi iaitu 3.47, kosa kata yang dibariskan ini adalah berkait rapat dengan kaedah *ʿrab* yang merupakan asas dalam ilmu bahasa Arab. Oleh itu, hasil kajian persepsi pelajar yang tinggi terhadap penggunaan aplikasi *Almaany* ini menunjukkan bahawa, keperluan pelajar terhadap teknologi adalah sangat tinggi bagi membolehkan mereka mengembangkan kosa kata bahasa al-Quran mereka sejajar dengan perkembangan ilmu semasa. Di samping itu, khazanah kamus bercetak juga terpelihara dengan wujudnya aplikasi *Almaany* yang menjadikan kamus serta mukjam bercetak ini sebagai sumber rujukan utama.

## **PENUTUP**

Pembelajaran kosa kata bahasa al-Quran melalui penggunaan aplikasi *Almaany* ini boleh dijadikan sebagai alat bantu pembelajaran yang efektif dialam kalangan para pelajar khususnya pelajar pengajian bahasa Arab yang menjadikan kitab-kitab dalam bahasa Arab sebagai rujukan utama mereka. Dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada pengedaran borang soal selidik kepada para pelajar menunjukkan persepsi pelajar terhadap aplikasi *Almaany* adalah sangat tinggi bagi memudahkan urusan pembelajaran mereka khususnya carian kosa kata bahasa al-Quran. Ini dibuktikan melalui penggunaan secara menyeluruh aplikasi-aplikasi yang terdapat pada telefon pintar seperti aplikasi *Almaany*, *google translate* yang mudah untuk diakses pada bila-bila masa tanpa mengira waktu.

## RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 2. Asas Statistik Penyelidikan. Edisi Pertama. Malaysia: McGraw Hill Education.
- Chua Yan Piaw. 2011. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 1. Kaedah Penyelidikan. Edisi Kedua. Malaysia: McGraw Hill Education.
- Hazwani Mohd Najib, Noor Raudhiah Abu Bakar, Norziah Othman. 2017. *E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor*. Attarbawiy: Malaysia Online Journal of Education. Vol 1. Kajang. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Latifah, Ali dan Surendren. 2012. *Penggunaan Kamus Atas Talian (E-Alqamus Online) Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Malaysia Education Deans' Council (MEDC) Journal.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. 2003. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Shahrman Abu Bakar, Noor Hisham Md Nawi, dan Ahmad Abdul Rahman. 2015. *Projek kamus penggunaan kata sendi Bahasa Arab*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Zaki Ismail, Kaseh Abu Bakar, Nik Farhan Nik Mustapha dan Nurazan M Rouyan. 2016. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab Pada Kalangan Pelajar Cemerlang*. Asia Pasific Journal of Educators and Education. Vol 31. Pulau Pinang. Penerbit Univesiti Sains Malaysia.
- Mohd Zuhir Abd Rahman, Che Radiah Mezah. 2015. *Kesahihan Tafsiran Diksi Agama Dalam Kamus Arab al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-A'lam*. Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization.
- Nazri Muslim, Faridah Jalil, Abdul Aziz Bari, Mansor Mohd Noor dan Khairul Anwar Mastor. 2011. *Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukkan Orang Melayu dalam Pelembagaan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia*. Jurnal Kemanusiaan.
- Ni Wayan Sri Damayanti. 2013. *Penggunaan Media Kamus Dalam Pembelajaran Kontekstual Untuk Meningkatkan Kemampuan Siswa Memahami Makna Kata Dalam Bacaan di Kelas VIID SMP Negeri 3 Gianyar*. Indonesia: Fakultas Bahasa dan Seni Universitas Pendidikan Ganesha.
- Norlida, Md Nooh, Norliza dan Jamaluddin. 2003. *Penguasaan Kosakata: Kamus Sebagai Alat Bantu Mengajar*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nunnally, JC. (1978). *Psychometric Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Nurul Aminah Basharuddin dan Hasnah Mohamad. 2015. *Kamus Dan Peranannya Dalam Meningkatkan Minat Kanak-Kanak Mempelajari Bahasa*. International Journal of Malay World and Civilization.
- Nur Naimah Akmar Kamarudin dan Harun Baharudin. 2016. *Penggunaan Google Translate Dalam Aktiviti Terjemahan Kata Arab*. Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam 2016. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Radha Nambiar, Noraini Ibrahim dan Pramela Krish. 2008. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua*. Jurnal e-Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Samah. 2007. *Penggunaan Internet Dalam Pengajaran Bahasa: Kajian Terhadap Bahasa Arab komunikasi Perlancongan*. Malaysia Education Deans' Council (MEDC) Journal.
- Rosni Samah. 2010. *Pendekatan Pengajaran Kosakata Bahasa Arab di Peringkat Menengah Rendah: Kajian Kepada Guru Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur*. Malaysia Education Deans' Council (MEDC) Journal.
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Shahrulnizam Abu Sukor. 2013. *Penterjemahan Semantik (makna) Perkataan Bahasa Arab-Bahasa Melayu: Satu Kajian Bandingan Antara Kamus Kontekstual al-Khalil dan Kamus Moden al-Miftah*. Johor Bharu: Jurnal Kolej Pengajian Islam Johor.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*